

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

PLG 212 - Kaedah Mengajar Matematik I

Masa : [2 jam]

---

Jawab KEDUA-DUA soalan pada BAHAGIAN A dan pilih SATU soalan sahaja dari BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. Objektif suatu Rancangan Pelajaran adalah sebagai berikut:

"Diakhir pelajaran murid-murid dapat mengenalpasti ciri-ciri yang mentakrifkan suatu persamaan".

- [a] Beri pandangan anda tentang perumusan objektif itu mengikut pendapat R.F. Mager.
- [b] Apakah aspek yang ingin dicapai oleh objektif di atas? Jelaskan.
- [c] Apakah kandungan penting yang mesti diliputi

(33 markah)

2. Andaikan anda ingin menggunakan kaedah induktif dalam suatu pengajaran matematik.

- [a] Huraikan susunan langkah-langkah yang perlu diikuti untuk menjayakan kaedah tersebut.
- [b] Beri contoh penggunaannya terhadap suatu topik.
- [c] Apakah kebaikan dan kekurangan menggunakannya.

(33 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

3. Jerome S. Bruner telah mengemukakan suatu teori pengajaran dan pembelajaran yang mengandungi empat cara tentang bagaimana konsep matematik harus diajarkan.
- [a] Huraikan keempat-empat cara yang dimaksudkan.
  - [b] Tunjukkan contoh-contoh yang sesuai untuk keempat-empat cara itu.

(34 markah)

4. [a] Nyatakan apa yang dimaksud dengan "modus ponent".
- [b] Apakah peranan modus ponent dalam pembuktian dan penyelesaian masalah matematik.
- [c] Beri dua contoh penggunaan modus ponent.

(34 markah)